

SOALAN NO.: 50

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG LIU BIU
[SARIKEI]**

TARIKH : 28 NOVEMBER 2017

SOALAN :

**Tuan Wong Liu Biu minta MENTERI PERUSAHAAN
PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan :-**

Oleh kerana majoriti lada Malaysia dihasilkan dari Sarawak, adakah Kerajaan Persekutuan mempertimbangkan untuk memindahkan kuasa Lembaga Lada Malaysia kepada Kerajaan Sarawak.

109

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Lembaga Lada Malaysia (MPB) merupakan salah sebuah agensi Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC). Sejak penubuhannya pada tahun 2007, MPB telah dipertanggungjawabkan untuk menerajui pembangunan industri lada Malaysia. Fungsi utama MPB adalah menguruskan hal-hal berkaitan perdagangan, pemasaran, kawal selia pasaran, pembangunan pengeluaran dan usahawan tani, kemajuan sektor hulu serta aktiviti penyelidikan dan pembangunan seperti mana yang termaktub di dalam Akta Lembaga Lada Malaysia (Akta 656).

Dari segi keluasan penanaman lada di Malaysia, 98% daripadanya tertumpu di negeri Sarawak dan diikuti oleh Semenanjung Malaysia dan Sabah. Bagi tempoh Januari hingga September 2017, keluasan keseluruhan tanaman lada di Malaysia adalah sebanyak 17,071 ha dengan pecahan mengikut negeri iaitu Sarawak (16,798 ha), Semenanjung Malaysia (249 ha) dan Sabah (24 ha). Pada tahun 2016, keluasan keseluruhan sebanyak 16,768 ha dengan pecahan keluasan tanaman lada mengikut negeri adalah Sarawak (16,516 ha), Semenanjung Malaysia (236 ha) dan Sabah (16 ha). Pada tahun 2015 pula, kawasan tanaman lada juga telah meningkat sebanyak 313 berbanding tahun 2014. Ini menunjukkan bahawa terdapat

peningkatan keluasan tanaman bukan sahaja di Sarawak tetapi di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Kerajaan Persekutuan tidak bercadang untuk memindahkan kuasa MPB kepada Kerajaan Sarawak kerana MPB merupakan badan berkanun di bawah MPIC yang berperanan dalam menerajui industri lada bukan sahaja di Sarawak, malah di seluruh Malaysia. Selain daripada pecahan tanaman yang bukan sahaja ditanam di Sarawak, terdapat juga penanaman lada di Sabah dan beberapa negeri di Semenanjung seperti di Johor, Pahang, Perak dan Melaka walaupun keluasannya hanya meliputi 2% daripada keseluruhan tanaman dan menyumbang kepada produktiviti penghasilan lada. Keluasan tersebut akan diperluaskan lagi di Utara Semenanjung bergantung kepada peruntukan yang diluluskan.